

Tumpu usaha bangun semula Aceh: Dr M

BH-3/2/2005: 8

BANDA ACEH: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat dunia kini perlu memberikan lebih tumpuan kepada usaha pembangunan semula Aceh selepas kerja menyelamatkan dan bantuan keceemasan.

Beliau berkata, antara usaha itu ialah menyediakan kawasan penempatan baru kepada mangsa gempa dan tsunami, pendidikan kanak-kanak serta pemulihan dan penyediaan prasarana persekolahan.

"Banyak yang sudah dilakukan bagi memulihkan keadaan dan sekarang ini kita dapati banyak masalah awal yang sudah beres.

"Apa yang perlu sekarang ialah soal membangunkan semula Banda Aceh dan menempatkan penduduk dan soal pelajaran kanak-kanak," katanya kepada pemberita selepas melawat Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia di Gue Gajah dekat sini semalam.

Dr Mahathir tiba di sini semalam untuk lawatan tiga hari ke Banda Aceh yang dilanda tsunami pada 26 Disember lalu.

Beliau diiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Penyejaras Aman Malaysia, Datuk Mukhriz Mahathir.

Dr Mahathir berkata, mengikut



BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melihat dari dekat Masjid Baiturrahim di Ulee Lheue yang masih utuh selepas dilanda tsunami. Beliau yang tiba di Banda Aceh, semalam mengadakan lawatan peribadi tiga hari untuk meninjau keadaan sekitar kawasan itu. - Gambar Bernama

taklimat, ramai guru di Aceh turut terkorban dalam tragedi itu dan Malaysia mungkin boleh membantu melatih guru baru.

Beliau yang tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara Indone-

sia Sultan Iskandar Muda turut melawat Masjid Baiturrahim di Ulee Lhee iaitu antara kawasan yang paling teruk dilanda tsunami.

Hari ini Dr Mahathir dijangka

melawat Meulaboh yang sehingga kini hanya boleh dihubungi melalui udara dan kem perubatan Aman Malaysia di Sunaboh yang terletak kira-kira 50 kilometer dari sini. - Bernama